

18/08/1998

Singapura curigai Malaysia

Anti Kiasu

MALAYSIA dan Singapura bukan saja berjiran malah mempunyai pertalian saudara ketika kedua-duanya dikenali sebagai Tanah Melayu. Sejarah jugalah yang memisahkan antara Malaysia dan Singapura.

Walaupun berpisah, Singapura masih menaruh perasaan curiga dan syak wasangka terhadap Malaysia. Curiga kepada pucuk pimpinan Malaysia kerana bimbang apabila Malaysia muncul menjadi negara maju kelak akan menghalang cita-cita Singapura menjadi negara termaju di Asia Tenggara.

Syak wasangka kepada tindakan kerajaan Malaysia yang mereka percaya seolah-olah mahu menggugat keselamatan negara mereka walhal kerajaan kita menafikan sekeras-kerasnya dakwaan mereka. Tiada sebab kita mahu menguasai sesebuah negara yang berdaulat. Disebabkan kemajuan yang dicapai oleh Singapura di rantau ini menjadikan mereka semakin angkuh dan sombong. Lihat saja isu yang timbul baru-baru ini berkenaan pemindahan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK).

Ini bukan kes pertama yang mereka timbulkan malah banyak perkara sensitif lain sebelum ini.

Matlamat mereka ialah cuba menimbulkan pelbagai masalah. Dengan mengadakan pelbagai isu sensitif itu, mereka cuba mendapat sokongan dan simpati dengan mengabui mata masyarakat dunia bahawa mereka adalah di pihak yang benar. Mereka memberikan gambaran negatif mengenai Kerajaan Malaysia dan meyakinkan rakyat Singapura tindakan kerajaan mereka saja yang betul.

Pemimpin Singapura takut akan bayang-bayang sendiri. Mereka sepatutnya mengakui kelemahan sendiri. Mereka tidak mampu menahan kemajuan demi kemajuan yang dicapai oleh Malaysia lantas perasaan iri hati terbuku di hati mereka. Kerajaan kita berpandangan jauh dalam mencapai matlamat sebagai negara maju.

Setiap saingan di antara negara dilihat sebagai saingan sihat, menguntungkan negara di sebelah sini. Tetapi malangnya Singapura melihat dari sudut bertentangan. Mereka menganggap setiap saingan pasti mendatangkan ancaman kepada kuasa perdagangan mereka selama ini. Kerana keegoan, mereka sentiasa berasakan kuasa mutlak ekonomi di rantau ini milik mereka.

Mereka sebenarnya tertekan dan cemburu dengan kemajuan Malaysia di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad walaupun sebelum ini kita agak ketinggalan dari aspek ekonomi atau pembangunan teknologi dari jiran terdekat. Tetapi rakyat serta pemimpin Malaysia faham demi mencapai status negara maju mereka harus bersatu mengejar kejayaan dan hasilnya boleh kita lihat hari ini.

Menyentuh 'kiasu, kiasi dan kiabo', sikap ini terkenal di kalangan rakyatnya dan menjadi teras amalan budaya mereka. Rakyat Malaysia pun boleh bersikap begitu, cuma kita sedar tiada gunanya mengamalkan sikap sedemikian.

Ia hanya mendatangkan keburukan. Sebagai orang timur, kita harus menjaga sifat ketimuran kita. Tidak sewajarnya mereka mengetepikan ciri kesopanan dan kesusilaan semata-mata mengagung-agungkan pengaruh asing dalam kehidupan seharian.

Kita tidak menafikan kedua-dua kerajaan saling memerlukan satu sama lain. Kedua-dua negara mempunyai kepentingan dalam pelbagai bidang yang boleh diterokai bersama. Seperti kata pepatah, rezeki jangan ditolak, musuh jangan dicari memang bertepatan sekali dengan prinsip kerajaan kita.

Kita tidak mencari musuh bahkan kita sentiasa mengamalkan sikap toleransi. Malah kita inginkan kemakmuran dengan jiran. Kerajaan Malaysia memang sedar kepentingan sumbangan pelabur Singapura terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Tetapi mereka juga harus sedar kerajaan kita memberikan pelbagai keistimewaan terhadap syarikat negara Singapura agar mereka menikmati segala keuntungan daripada keutuhan asas ekonomi dan kestabilan politik Malaysia.

Oleh itu, sikap mementingkan diri sendiri haruslah diubah. Asean mementingkan sikap persefahaman antara satu sama lain yang sudah lama dipupuk. Setiap kekusutan ada jalan penyelesaian. Diharapkan tiada lagi timbul perkara yang boleh menyebabkan mana-mana negara jiran tersinggung pada masa akan datang.

Ini kerana jika mereka masih mencari masalah kita tidak dapat membendung perasaan benci terhadap mereka. Perlu diingatkan jangan sampai tahap kesabaran dan maruah rakyat Malaysia tercabar kerana telatah pemimpin mereka.

Jangan disebabkan kita sentiasa mengalah bermakna mereka sewenang-wenangnya boleh berbuat apa saja. Kita harus membuktikan rakyat Malaysia tidak mudah digertak oleh mana-mana pihak.

Kepada Dr Mahathir, teruskan perjuangan dan kami rakyat Malaysia sentiasa menyokong kepemimpinan Datuk Seri.

Untuk makluman pembaca saya dilahirkan di Singapura. Tetapi saya dibesarkan di Semenanjung. Saya bersekolah, bekerja mencari nafkah di sini malah berkahwin dengan warga Malaysia. Tidak keterlaluan jika saya katakan saya bangga menjadi warga negara Malaysia daripada menjadi rakyat Singapura.